

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 MAC 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Tong bahan kimia Lynas tidak mengandungi radioaktif – Timbalan Menteri	Bernamea.com
2	Ribut petir menyeluruh di Bintulu dan Mukah sehingga petang ini	Bernamea.com
3	Ribut petir dan hujan lebat di Sabah, Sarawak berterusan sehingga awal malam ini	Bernamea.com
4	Menjejaki MH370	Harian Metro
5	CyberSecurity, BAE systems tingkat keselamatan siber	Berita Harian
6	CyberSecurity Malaysia, BAE systems setuju bangun keupayaan, kapasiti dalam keselamatan siber	Bernamea.com
7	USIM, HDC dan TPMB jalin kerjasama galakan pembangunan industry halal	Bernamea.com
8	13 tong cecair kimia tercampak dari treler	Utusan Malaysia



Tong Bahan Kimia Lynas Tidak Mengandungi Radioaktif - Timbalan Menteri

MELAKA, 29 Mac (Bernama) -- Tong mengandungi cecair bahan kimia NdPr Chloride dari Kilang Lynas yang terjatuh dari sebuah treler di Km 149, Jalan Kuantan-Kuala Lumpur berhampiran Kampung Sungai Kepong, Lanchang, Temerloh semalam disahkan tidak mengandungi bahan radioaktif.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata kandungan bahan kimia tersebut juga tidak didaftarkan sebagai kategori berbahaya.

"Pengguna jalan raya dan penduduk setempat tidak perlu risau kerana ia bukan bahan berbahaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program penanaman pokok anjuran Standard Chartered Bank di Klebang di sini hari ini.

Malah beliau berkata bahan yang akan dieksport ke Jepun itu tidak membahayakan hidupan termasuk hidupan dalam laut seperti ikan.

Dalam kejadian kira-kira 9 pagi itu, sebanyak 13 daripada 15 tong yang mengandungi cecair kimia tersebut bertaburan di atas jalan raya setelah terjatuh dari treler itu yang dalam perjalanan dari Gebeng, Kuantan menuju Pelabuhan Klang, Selangor.

Empat daripada tong-tong itu dilapor pecah.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 29 MAC 2014 (SABTU)



Ribut Petir Menyeluruh Di Bintulu Dan Mukah Sehingga Petang Ini

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Keadaan ribut petir yang menyeluruh di perairan Mukah dan Bintulu di Sarawak dijangka berterusan sehingga petang ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata keadaan itu mengakibatkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencecah ketinggian 3.5 meter.

Keadaan ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA



Ribut Petir Dan Hujan Lebat Di Sabah, Sarawak Berterusan Sehingga Awal Malam Ini

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Ribut petir dan hujan lebat dijangka berterusan melanda beberapa bahagian di sekitar Sabah dan Sarawak sehingga awal malam ini.

Menurut kenyataan dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia** Jumaat, kawasan yang terlibat di Sabah ialah Pedalaman (Daerah Beaufort, Sipitang, Tenom dan Kuala Penyu), Sandakan (Daerah Beluran, Kinabatangan, Sandakan dan Tongod), Tawau (Daerah Lahad Datu), Kudat (Daerah Kota Marudu) dan Pantai Barat.

Keadaan sama juga berlaku di Sarawak melibatkan kawasan Miri (Daerah Marudi dan Miri), Kapit (Daerah Belaga), Bintulu dan Limbang.

Keadaan ribut petir dan hujan lebat ini mungkin menyebabkan berlakunya angin kencang di kawasan terlibat.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR TEMPATAN HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10 TARIKH: 29 MAC 2014 (SABTU)

KUALA LUMPUR: Sejak dua minggu lalu, ada saja pelbagai imej objek terbaru dikesan satelit beberapa negara yang dikaitkan dengan serpihan penerbangan MH370, namun sehingga kini petunjuk terbabit masih tidak dapat mengesan kedudukan sebenar pesawat itu.

Setiap kali menemui sebarang petunjuk baru, pasukan mencari dan menyelamat (SAR) akan dikerah ke kawasan penemuan objek yang dikesan itu tetapi sehingga kini belum dapat menemui sebarang serpihan itu.

Setakat ini, Jepun adalah negara kelima berjaya mengesan objek pada imej satelit mereka yang mungkin berkaitan dengan pesawat MH370.

Pusat Risikan Kerajaan Jepun berkata, 10 objek dikesan daripada imej satelit yang dirakam kelmarin.

"Objek itu terapung kira-kira 2,500 kilometer di barat daya Perth iaitu di kawasan berhampiran lokasi objek lain yang dikesan satelit Australia, Perancis, China dan Thailand sebelum ini

"Berdasarkan imej satelit yang dirakam pada pagi kelmarin, didapati objek terbesar adalah bersaiz empat meter lebar dan lapan meter panjang malah maklumat itu sudah diberikan kepada pihak Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, Satelit Pemerhatian Bumi Thailand (Thaichote) pada Isnin lalu turut mengesan 300 objek di Lautan Hindi, kira-kira 2,700 kilometer dari barat daya Perth.

Selain imej satelit Jepun dan Thailand itu, 122 objek turut dikenal pasti Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA) Rabu lalu berdasarkan imej satelit Pertahanan dan Angkasa Airbus UK yang berpangkalan di Perancis dan dikeluarkan 23 Mac lalu.

Pada 24 Mac pula, pihak berkuasa Australia memaklumkan mengesan dua objek di kawasan pencarian Australia, berbentuk bulat dan segi empat tepat yang berkemungkinan mempunyai

kaitan dengan penerbangan MH370 namun dua objek dikesan sebuah pesawat Australia itu belum dikenal pasti dan tiada bukti untuk mengaitkannya dengan pesawat malang berkenaan.

Semua maklumat melalui imej berkenaan kini sedang diteliti dan dianalisis dan terbaru, analisis data radar dilakukan pasukan penyiasat membawa kepada peralihan operasi SAR ke kawasan 1,100 kilometer (680 batu) ke Timur Laut Australia.

Pihak Berkuasa Keselamatan Maritim Australia (AMSA) menyifatkan maklumat terbaru itu adalah petunjuk paling boleh dipercayai kemungkinan di mana serpihan pesawat mungkin berada.


"Ia menunjukkan bahawa pesawat itu melalui perjalanan lebih cepat daripada yang dianggarkan sebelum ini, mengakibatkan penggunaan bahan api meningkat dan mengurangkan jarak ke selatan Lautan Hindi," kata pihak berkuasa itu dalam satu kenyataan.

Carian menjejaki MH370 diperbaharui di Selatan Lautan Hindi selepas Jepun dan Thailand masing-masing mengesahkan mereka menghantar imej satelit baru kepada Malaysia yang menjerus kepada serpihan berasingan dipercayai berkaitan dengan MH370.

Penganalisis berkata, peralihan kawasan carian itu menjadi petunjuk penyiasat hampir kepada kedudukan penerbangan MH370 berada.

"Dengan perkembangan ini, mungkin mereka dapat mengesan petunjuk dengan lebih jelas dan tepat," kata Mary Schiavo Penganalisis Penerbangan CNN dan bekas Inspektor Am Jabatan Pengangkutan Amerika Syarikat (AS) memetik laporan dikeluarkan CNN.

Pakar membuat kesimpulan, penemuan petunjuk baru itu boleh membawa penyiasat lebih dekat untuk menentukan apa yang berlaku di atas pesawat itu hingga menyebabkan ia berubah arah mengikut haluan dan lokasi mana ia berakhir.



MENJELAJI

Kawasan carian terbaru di 1,850 km dari Perth

Kawasan disyaki terhempas 2,500 km barat Perth

A 16 MAC 2014 Penemuan: Australia 2 objek


C 23 MAC 2014 Penemuan: MRSA 122 objek

D 27 MAC 2014 Penemuan: Thailand 300 objek

B 18 MAC 2014 Penemuan: China 1 objek

Lokasi terakhir pesawat dikesan oleh satelit Inmarsat

SAMBUNGAN...
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 29 MAC 2014 (SABTU)



KRONOLOGI KEHILANGAN PESAWAT MH370

Fakta Grafik

01.30-02.15: Radar tentera Malaysia dan Thailand menunjukkan pesawat berpatah balik secara tiba-tiba menuju ke barat sebelum melencong ke utara.

01.21: Transponder pesawat yang berfungsi mengesan pesawat, lokasi dan altitud, ditutup.

00.41, 8 MAC: Pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang membawa 239 penumpang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan akan mendarat di Beijing, China.

08.11: Satelit Inmarsat secara automatik memungut data antara pesawat dan stesen pusat yang menunjukkan pesawat masih terbang tujuh jam selepas terputus hubungan dengan pusat kawalan udara.

08.19: Bukti lanjut mengenai "partial handshake" masih lagi dianalisis oleh pakar.

09.15: Isyarat dari pesawat hilang sepenuhnya.

1 Kuala Lumpur, MALAYSIA

2 Kuala Lumpur, MALAYSIA

3 Kuala Lumpur, MALAYSIA

4 Lautan Hindi

5 Lautan Hindi

6 Lautan Hindi

Perth AUSTRALIA

Perth AUSTRALIA

LAUTAN HINDI

Lokasi carian serpihan

— Pesawat dikesan radar
 Beberapa haluan berdasarkan analisis satelit Inmarsat

— Jika pesawat terbang pada kejadian 400 knot (740km/jam)

— Terbang pada 450 knot (830km/jam)

— Laluan pesawat berdasarkan pada analisis Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan AS

— Lokasi kemungkinan pesawat ketika menghantar isyarat terakhir ke satelit pada 8.11 pagi

Analisis data radar terbaru antara Laut China Selatan dan Selat Melaka memberi petunjuk pesawat MAS MH370 terbang lebih laju berbanding anggaran sebelum ini menyebabkan peningkatan penggunaan minyak, sekali gus mengurangkan jarak perjalanannya ke selatan Lautan Hindi.

Justeru, pada hari ke-21 misteri kehilangan pesawat berkenaan semalam, kawasan pencarian diubah 1,100 kilometer (km) ke timur laut merangkumi kawasan seluas 319,000 km persegi, 1,850 km ke barat Perth, Australia.

Kawasan pencarian itu empat kali ganda lebih besar berbanding 78,000 km persegi kawasan pencarian kelmarin.

Pihak Berkuasa Keselamatan Maritim Australia (AMSA) dalam kenyataan medianya memaklumkan, agensi penyiasat Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) sudah memeriksa maklumat yang diberikan oleh pasukan penyiasat antarabangsa di Malaysia itu dan berpendapat maklumat berkenaan adalah paling kredibel untuk mengesan kawasan serpihan.

"Kemungkinan laluan penerbangan itu boleh menjadi subjek untuk dihalusi lagi sementara pasukan penyiasat antarabangsa yang membantu pencarian itu meneruskan analisis mereka.

"Australian Geospatial-Intelligence Organisation pula sedang menyusun semula tugas satelit-satelit bagi mendapatkan imej di kawasan baru itu," katanya.

Dalam keadaan cuaca yang baik semalam, 10 pesawat tentera dan awam meneruskan misi merungcai misteri pesawat MH370 yang kini memasuki fasa siasatan dan penemuan.

Pesawat yang terbabit adalah dua P3 Orion milik Tentera Udara Diraja Australia, sebuah jet pasukan Pengawal Pantai Jepun, sebuah P3 Orion Jepun, sebuah P3 Orion Korea Selatan, sebuah Hercules 130 Korea Selatan, sebuah P3 Orion Tentera Udara Diraja New Zealand, sebuah Ilyushin IL-76 China, sebuah P8 Poseidon Amerika Syarikat (AS) dan sebuah pesawat awam untuk tujuan komunikasi.

Sebuah lagi pesawat P3 Orion Tentera Udara Diraja Australia turut diletakkan dalam keadaan bersedia di Pangkalan Udara Pearce jika ada penemuan baru, manakala AS turut menghantar sebuah lagi pesawat P8 Poseidon ke Perth.

Enam kapal turut serta di kawasan pencarian membabitkan sebuah kapal HMAS Success Australia dan lima kapal China iaitu Xue Long, Haixun 01, Kunlunshan, Haikou dan Qindaohu.

GRAFIK HARIAN METRO: FAIMY HASHIM & HARRY SHAHIDMAN

ASET DI LOKASI CARIAN BARU			
<p>AUSTRALIA</p> <ul style="list-style-type: none"> • 3 pesawat P3 Orion • 1 kapal HMAS Success 	<p>CHINA</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 pesawat Ilyushin IL-76 • 1 kapal Xue Long • 1 kapal Haixun 01 • 1 kapal Kunlunshan • 1 kapal Haikou • 1 kapal Qindaohu 	<p>NEW ZEALAND</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 pesawat P3 Orion <p>AMERIKA SYARIKAT</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 Pesawat P8 Poseidon 	<p>JEPUN</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 pesawat Gulfstream V milik pasukan Pengawal Pantai Jepun <p>KOREA SELATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 pesawat P3 Orion

CyberSecurity, BAE Systems tingkat keselamatan siber

CyberSecurity Malaysia dan BAE Systems Applied Intelligence Limited (BAE Systems) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk membentuk rangka kerjasama dalam bidang keselamatan siber pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Amirudin Abdul Wahab, berkata kedua-dua syarikat itu setuju mengenai perlunya untuk mewujudkan dan mengukuhkan usaha berkaitan pembangunan keupayaan dan keupayaan dalam keselamatan

maklumat.

Manfaat pengalaman

"Kami mahu menjadikan kerjasama ini sesuatu yang rasmi menerusi 'Usaha sama Teknologi Strategik' yang dirancang untuk berkembang dari semasa ke semasa," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusan BAE Systems, Martin Sutherland, berkata menerusi kerjasama itu, kedua-dua syarikat boleh

memanfaatkan pengetahuan, pengalaman, kebolehan dan produk untuk mengenal pasti, meneroka dan mengeksploitasi peluang komersial dalam menyediakan penyelesaian keselamatan siber di Malaysia.

Sesuai tangani pembangunan

BAE Systems, berpangkalan di United Kingdom, ialah pembekal global produk keselamatan siber, penyelesaian dan perkhidmatan.

Ia melabur dalam pembangunan beberapa teknologi dan keupayaan utama yang diyakini sesuai dalam menangani keperluan Malaysia untuk merealisasikan visinya.

BERNAMA



Cybersecurity Malaysia, BAE Systems Setuju Bangun Keupayaan, Kapasiti Dalam Keselamatan Siber

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- CyberSecurity Malaysia dan BAE Systems Applied Intelligence Limited (BAE Systems) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk membentuk rangka kerjasama dalam bidang keselamatan siber pada masa depan.

Dalam satu kenyataan pada Jumaat, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Amirudin Abdul Wahab, berkata kedua-dua syarikat itu setuju mengenai perlunya untuk mewujudkan dan mengukuhkan usaha berkaitan pembangunan keupayaan dan kapasiti dalam keselamatan maklumat.

"Kami mahu menjadikan kerjasama ini sesuatu yang rasmi menerusi 'Usaha sama Teknologi Strategik' yang dirancang untuk berkembang dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan BAE Systems, Martin Sutherland, berkata menerusi kerjasama itu, kedua-dua syarikat boleh memanfaatkan pengetahuan, pengalaman, kebolehan dan produk untuk mengenal pasti, meneroka dan mengeksploitasi peluang komersil dalam menyediakan penyelesaian keselamatan siber di Malaysia.

BAE Systems, berpangkalan di United Kingdom, ialah pembekal global produk keselamatan siber, penyelesaian dan perkhidmatan.

Ia melabur dalam pembangunan beberapa teknologi dan keupayaan utama yang diyakini sesuai dalam menangani keperluan Malaysia untuk merealisasikan visi sibernya.

-- BERNAMA



USIM, HDC Dan TPMB Jalin Kerjasama Galakan Pembangunan Industri Halal

NILAI, 28 Mac (Bernama) -- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), hari ini menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) Malaysia dan TPM Biotech Sdn Bhd (TPMB) bagi mewujudkan jalinan industri yang memberi manfaat berpanjangan.

MoA itu adalah bagi pembangunan modul program 'Analisis Halal Profesional' dalam program pemindahan ilmu.

USIM diwakili Naib Canselornya Prof. Datuk Dr Asma Ismail, HDC diwakili Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya Hasni Zarina Mohamed Khan manakala TPMB diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Ahmad Husni Johari.

HDC ialah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang berperanan menyelaras pembangunan keseluruhan industri halal di Malaysia.

TPMB, anak syarikat **Technology Park Malaysia & Corporation Sdn Bhd**, merupakan institusi yang memperuntukkan tenaga dan sokongan pakar dalam perkhidmatannya untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Asma berkata melalui kerjasama ini, HDC dan TPMB berhasrat bekerjasama dengan USIM, sebagai rakan kongsi strategik, menggalakkan pembangunan industri halal di Malaysia, khususnya untuk mewujudkan platform perundingan halal, latihan, perdagangan dan ruang potensi lain pada masa akan datang.

"Selain memberi kesedaran berkaitan konsep halal kepada masyarakat dan industri, program tersebut turut berperanan menyalurkan pengetahuan halal melalui pelbagai saluran seperti berpandukan teori dan praktikal, pandangan dari sudut syariah, prosedur samak, analisis makmal serta meningkatkan pengetahuan dalam amalan halal dan pelaksanaan audit," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoA itu, di sini.

Katanya bertepatan hasrat untuk menjalankan pembangunan modul berkaitan persijilan halal, enam modul dihasilkan untuk program latihan yang bakal dijalankan selama 14 minggu.

"Berdasarkan industri halal yang bersifat kompleks dan holistik, USIM percaya pendekatan ini mampu mewujudkan peluang ekonomi yang luas dengan menggunakan pendekatan bersepadu selaras dengan hasrat dan visi USIM dalam mengintegrasikan ilmu Naqli (Wahyu) dan Aqli (Rasional) untuk mentransformasikan dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat," katanya.

Katanya USIM kini giat berusaha untuk menggerakkan dan mengaktifkan jalinan kerjasama dalam industri halal dengan pihak industri dan pelbagai organisasi terutama bagi tujuan penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan serta pengkomersilan dan pertukaran serta perkongsian kepakaran agar kepakaran yang ada dapat dikongsi bersama ke tahap optimum demi kemajuan ummah.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 29 MAC 2014 (SABTU)**



13 tong cecair kimia tercampak dari treler

TEMERLOH 28 Mac - Sebanyak 13 tong bahan kimia cecair yang dibawa dari kilang pengeluaran nadi bumi, Lynas tercampak dari sebuah treler ketika dalam perjalanan dari Gebeng, Kuantan ke Pelabuhan Klang hari ini.

Kejadian yang berlaku di Kilometer 149, Jalan Kuantan-Kuala Lumpur di Lanchang itu menyebabkan laluan kedua-dua arah ditutup sepenuhnya dari pukul 9.30 pagi hingga pukul 2 petang.

Bagaimanapun, laluan berkenaan dibuka semula kepada semua

kenderaan pada pukul 4 petang.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Abdul Aziz Salleh berkata, tiada kemalangan jiwa dan kecederaan dilaporkan dalam kejadian itu.

Menurutnya, pihak Lynas dengan bantuan Jabatan Alam Sekitar dan Bomba telah membersihkan dan meneutralkan kawasan tumpahan cecair berkenaan.

Katanya, berdasarkan maklumat daripada pihak Lynas dan Jabatan Alam Sekitar, bahan kimia itu tidak merebak melalui udara atau ter-

tumpah ke dalam parit atau sungai berhampiran.

"Penduduk dan pengguna jalan raya di kawasan itu tidak perlu bimbang kerana keadaan terkawal dan bahan kimia berkenaan tidak berbahaya kerana hanya menyebabkan kegatalan sekiranya tersentuh," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Abdul Aziz berkata, kes tersebut disiasat mengikut Peraturan 19 Kaedah Lalu Lintas kerana membawa muatan secara berbahaya dan pemandu treler yang berumur 40 tahun telah ditahan untuk siasatan lanjut.